

Headline	Turun singgahsana kurnia anugerah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,6	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	464 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,088
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,263



Agong turun singgahsana kurnia anugerah »6

Ketua Pengarah FRIM terharu dengan tindakan spontan Agong

## Turun singgahsana kurnia anugerah

**KUALA LUMPUR** - Tindakan spontan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menuruni anak tangga singgahsana untuk mengurniakan darjah kebesaran membuatkan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berasa terharu dan dihargai.

Abd. Latif yang ditemui pemberita selepas istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan 2019 di Istana Negara semalam berkata, beliau sama sekali tidak menduga Seri Paduka akan bertindak sedemikian selepas melihatnya bertongkat kerana kecederaan akibat terjatuh ketika bertugas kira-kira 10 tahun lalu.

"Saya berasa terharu. Mungkin Yang di-Pertuan Agong rasa saya susah untuk naik (anak tangga singgahsana) sebab berjalan guna tongkat.



MAIMUN



ISMAIL



ZULKIFLI

"Sebenarnya saya terperanjat. Tuanku beri *signal* (kepada saya) jangan naik (anak tangga singgahsana) dan bertitah 'Tidak apa, saya turun', katanya yang menyifatkan tindakan Seri Paduka itu sebagai satu penghargaan daripada seorang raja yang berhati mulia.

Menurut Abd. Latif, Al-Sultan Abdullah juga sempat bertanya keadaan dirinya.

Abd. Latif yang akan bersara pada tahun depan dikurniakan Darjah Panglima Jasa Negara yang membawa gelaran Datuk.

Pada tahun ini, Yang di-Pertuan Agong berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan kepada 795 individu daripada pelbagai kategori.

Terdahulu, Pada istiadat semalam, Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Tengku Maimun

Tuan Mat mengetuai senarai 42 penerima Darjah Kebesaran Persekutuan 2019 daripada Yang di-Pertuan Agong.

Tengku Maimun yang mencipta sejarah menjadi wanita pertama memegang jawatan tertinggi badan kehakiman negara itu dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri.

Turut menerima Darjah PMN ialah Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin. - Bernama



AL-SULTAN ABDULLAH mengurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara yang membawa gelaran Datuk kepada Abd. Latif di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.